Siswa jangan terlalu fikirkan pendapatan

UM 23 JAN 2002

BANGI 22 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir 'Mohamad menasihati mahasiswa agar membetulkan sikap terhadap kerjaya yang bakal mereka ceburi tanpa terlalu mementingkan pendapatan yang akan diwroleh.

Menurut Perdana Menteri, jika terlalu memikirkan ten--tang pendapatan aahaja, mereka akan kecewa kerana gaji, upah dan elaun tidak pernah cukup untuk memuaskan hati mereka.

Sebaliknya beliau menegaskan, kepuasan terhadap hasil kerja yang dilakukan akan dapat membawa kebaikan bukan sahaja kepada mereka bahkan organisasi yang telah memberi peluang kerja tersebut.

"Memanglah kita bekerja untuk mendapat pendapatan yang baik. Lebih tinggi kelulusan, tentulah kita mengharapkan lebih tinggi pula pendapatan, gaji dan elaun.

"Tetapi jika kita hanya memikirkan soal pendapatan, kita akan kecewa seumur hidup kerana tidak ada manusia di dunia ini yane berpuas hati dengan apa yang diperoleh," katanva ketika berucap merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Hadir sama pada program bertemakan 'Pembudayaan ICT, Kerjaya Berkualiti' itu ialah Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Ro Canselor UKM, Tengku Tan Sri Ahmad Kithaudeen Ismail dan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali.

Menurut Dr. Mahathir lagi, kini semakin ramai rakyat Malaysia berpeluang melanjutkan pelajaran menyebabkan tidak semua lulusan univeraiti danat bekerja dengan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, negara bernasib baik kerana sektor perusahaan dan pemiagaan membangun pesat dan menawarkan peluang-peluang kerja yang lebih besar dalam sektor swasta.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan mahasiswa bahawa mereka tidak boleh sekadar mengharap sahaja untuk mendapat pekerjaan kerana sektor swasta juga akan memilih hanya yang berkelulusan baik dan berminat menyumbang kepada produktiviti syarikat mereka.

Justeru katanya, sekali lag-i sikap mahasiswa terhadap kerjaya amat penting bagi menentukan mereka dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan yang sebenar yang berbeza sama sekali daripada dunia kampus.

Dr. Mahathir menarik perhatian terhadap persekitaran di universiti yang tidak mencerminkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Katanva, sementara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dikuasai oleh penuntut bumiputera, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula sebaliknya dipenuhi penuntut bukan bumiputera.

"Sama ada kita mampu menyesuaikan diri dengan iklim yang berbeza daripada di dalam kampus, terpulanglah kepada kita," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berpendapat amat penting bagi graduan universiti mengambil satu jangka masa tertentu untuk berlatib menyesuaikan diri dengan persekitaran di luar kampus.